

# NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



**EDISI**

**MEI 2025**

---

**eISSN : 3093-6543**


# UNIT JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT, & ALUMNI

Muhammad Aidil Ibrahim

Putus Pengajian Biologi  
Fakulti Sains Gunaan,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,  
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Sesebuah Universiti merupakan tempat untuk para pelajar mendapatkan ilmu bukan sahaja dalam bidang yang dipilih, juga untuk mempelajari nilai-nilai dalam kehidupan supaya dapat menaikkan jati diri dan lebih bersedia menghadapi alam pekerjaan kelak. Fungsi universiti bukan hanya tertumpu kepada penyampaian ilmu, tetapi juga merangkumi pelbagai peranan strategik yang menyumbang kepada pembangunan individu, masyarakat, dan negara. Bagi menaikkan kompetensi sesebuah Universiti, pihak universiti tidak boleh mengehadkan punca ilmu hanya daripada buku-buku pelajaran sahaja, malahan perlu melibatkan pihak-pihak luar melalui jaringan yang strategik. Kepentingan jaringan-jaringan luar seperti bersama industri, masyarakat, dan alumni kepada universiti adalah sangat besar dan memberi impak menyeluruh kepada pembangunan institusi pendidikan tinggi dari pelbagai aspek.

Di Universiti Teknologi MARA, di bawah naungan Naib Cancellor, Timbalan Naib Cancellor Jaringan Industri, Masyarakat, dan Alumni (ICAN) bertanggungjawab dalam mengelola hubungan jaringan bersama pihak luar. Terdapat tiga jaringan yang dititikberatkan iaitu jaringan bersama industri, bersama masyarakat, dan juga bersama alumni UiTM yang dipercayai mampu menaikkan kompetensi UiTM dalam segala aspek terutama kepada pencapaian para pelajar. Di UiTM Kampus Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), diterajui oleh Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, dan Alumni (PJIMA) dan seterusnya digalas oleh Koordinator ICAN. Di bawah Koordinator ICAN pula terdapat beberapa orang penyelaras yang terdiri daripada penyelaras ICAN Kampus bagi setiap kampus UiTMCNS, dan penyelaras-setiap cabang jaringan.



Gambar 1: Carta organisasi Unit ICAN 2025

Antara tanggungjawab Unit ICAN adalah:

- menghubungkan jaringan UiTMCNS dengan pihak berkepentingan luar atas dasar persaudaraan bersama rakan industri, komuniti & alumni
- Meningkatkan dan memperkuatkannya kesesuaian dan kedudukan akademik Universiti
- Mengumpulkan data maklumat perhubungan industri-UiTMCNS
- Membantu di dalam perancang dan pelaksanaan MoU/MoA antara PTJ UiTM CNS - industri dan lain-lain badan yang berkaitan
- Merekodkan dan mengemaskini jumlah pensyarah yang menjadi pakar rujuk organisasi luar selain UiTM
- Mengumpulkan data bagi maklumat berkaitan *University Social Responsibility* (USR) bagi UiTM CNS
- Menentukan dan membantu staf dan pelajar menjalankan program kesukarelawanan secara kolaborasi bersama industri/ masyarakat sekitar Negeri Sembilan

- Menentukan penglibatan kampus dalam khidmat masyarakat di peringkat antarabangsa
- Merekodkan dan mengemaskini data bagi Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) IPT untuk semua graduan UiTM CNS setiap kali konvokesyen bagi pengiraan kebolehpasaran graduan
- Mengadakan bengkel/kursus/ceramah bagi meningkatkan peluang kebolehpasaran pelajar UiTM CNS.

### **Jaringan Industri**

Pada tahun 2024, sejumlah MoU telah termeterai di antara UiTM bersama industri-industri daripada Indonesia termasuklah:

1. Lembaga Wakaf Darul Hikam
2. Hikmah Jaya Wisata Tour & Travel Service
3. Baitul Maal Wa Tamwil Usaha Gabungan Terpadu Nusantara
4. Kopontren Miftah Al-Quran

Melalui pemeteraian MoU bersama industri-industri daripada Indonesia ini, beberapa aktiviti telah berjaya dijalankan yang telah memberi manfaat kepada warga UiTMCNS. Di antaranya ialah sesi forum antarabangsa yang membincangkan kebaikan aktiviti wakaf dalam membangunkan sebuah institusi pendidikan dan juga cabaran yang dihadapi dalam mempromosikan aktiviti wakaf di Indonesia dan Malaysia.



Gambar 2: Sesi forum antarabangsa di studio TV UiTM Kampus Rembau (10 Oktober 2024)

Jaringan bersama pihak industri mampu memberi penambahbaikan kualiti pembelajaran dan pengajaran melalui input daripada industri yang membolehkan universiti menyesuaikan kurikulum agar sejajar dengan keperluan semasa pasaran kerja. Penceramah jemputan dan pakar industri juga boleh menyampaikan ilmu praktikal yang terkini kepada pelajar disamping memudahkan pelajar mendapatkan latihan industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Pada awal tahun 2025, terdapat beberapa pensyarah yang sudah mula mengorak langkah untuk mengadakan MoU bersama pihak industri pensijilan halal daripada China bagi tujuan mendirikan program pengurusan halal yang lebih bersifat antarabangsa dan juga memberi ruang untuk melakukan penyelidikan dalam pengurusan halal bersama pihak industri di China.

### **Jaringan Masyarakat**

Kolaborasi dengan industri dan masyarakat membuka ruang untuk projek penyelidikan dan inovasi yang relevan dan berimpak tinggi dan memberi peluang untuk berkongsi ilmu dan teknologi bagi kebaikan masyarakat setempat. Jaringan komuniti dapat memastikan warga UiTM bukan sahaja mempelajari ilmu melalui aktiviti penyelidikan bagi kebaikan sendiri mahupun universiti, tetapi juga bagi kebaikan masyarakat di luar universiti dan negara. Universiti dapat menjalankan program khidmat masyarakat berdasarkan kepakaran yang sesuai dengan keperluan komuniti setempat. Di samping itu, hasil kerjasama strategik industri dan masyarakat ini boleh membawa masuk dana melalui penyelidikan bersama, projek inovasi, dan perundingan. Melalui aktiviti kemasyarakatan ini, dapat meningkatkan reputasi dan penarafan universiti melalui hubungan aktif dengan komuniti luar yang dapat membina jenama universiti yang mesra industri dan masyarakat.

Antara aktiviti kemasyarakatan yang telah dijalankan pada tahun 2024 ialah program membasmi kemiskinan yang menyokong aspirasi "Zero Poverty" yang telah dijalankan bersama golongan wanita melalui Program Khidmat Masyarakat basmi kemiskinan dengan kerjasama UiTM-Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)-Kementerian Ekonomi (KE). Program Khidmat Masyarakat ini bertujuan untuk memperkasakan ekonomi wanita dengan meningkatkan peluang ekonomi dan juga pengurusan kewangan yang lestari. Program ini memfokuskan kepada sesi perkongsian daripada pensyarah UiTM Cawangan Negeri Sembilan kepada penerima bantuan atau peminjam di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di sekitar Negeri Sembilan. Selain daripada kerjasama bersama pihak AIM, program ini juga rentetan daripada geran penyelidikan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Basmi Miskin.



Gambar 3: Program khidmat masyarakat: Aktiviti memperkasakan wanita di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) melalui inisiatif ekonomi dan kewangan basmi kemiskinan di Negeri Sembilan (15 Ogos 2024; Kampus Seremban)

Pada tahun 2025, terdapat beberapa aktiviti kemasyarakatan yang telah dirancang. Di antaranya ialah Projek Tempe Nismilan bersama komuniti penduduk kampung dalam kalangan B40 dan ibu tunggal menggunakan teknologi fermentasi di Kampung Bemban, Senaling, Negeri Sembilan melalui Program Komuniti@UniMADANI 2025.

### **Jaringan Alumni**

Alumni merupakan kahzanah yang paling berharga buat sesebuah universiti. Mereka merupakan refleksi kualiti universiti tersebut. Ini menyebabkan jaringan bersama pihak alumni adalah amat penting dari pelbagai aspek, terutama perkongsian ilmu daripada mereka kepada para pelajar yang masih berjuang di alam pembelajaran. Kerjasama dengan alumni yang telah berjaya memberi inspirasi dan bimbingan kepada pelajar sedia ada. Maklumbalas mereka adalah amat penting bagi semakan kurikulum kerana mereka dapat memberi pandangan kualiti kurikulum yang telah mereka pelajari dengan keperluan majikan mereka. Penglibatan alumni yang berjaya dalam bidang masing-masing menyumbang kepada kredibiliti dan kebanggaan institusi. Selain itu, sumbangan alumni dalam bentuk dana, biasiswa, atau infrastruktur juga boleh menyokong pembangunan universiti. Alumni dalam sektor pekerjaan boleh menjadi jambatan untuk membuka peluang kerjaya kepada pelajar.

Antara aktiviti berimpak tinggi yang telah dijalankan bersama pihak alumni ialah Majlis Malam Gala Sempena Sambutan 25 Tahun UiTM Sebagai Sebuah Universiti. Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu kenamaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan yang merupakan alumni UiTM dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hjh Wan Hasni Bt Wan Yusof. Majlis Malam Gala ini turut diserikan dengan acara Penyerahan Sumbangan Mesin Jahit daripada Alumni UiTM, Datin Ts. Dr. Norsaadah Zakaria untuk kegunaan pelajar-pelajar Diploma Teknologi Tekstil dan Pakaian UiTM Kampus Kuala Pilah. Majlis diserikan dengan kehadiran 250 tetamu termasuk artis jemputan, Waris (alumni) dan pereka tempatan terkemuka, Hatta Dolmat (alumni). Majlis ini berjaya mengumpulkan para-Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan dari tahun 2009 hingga 2023.



Gambar 4: Majlis Malam Gala Sempena Sambutan 25 Tahun UiTM Sebagai Sebuah Universiti (28 Ogos 2024; Seri Negeri Ballroom III, Royale Chulan Seremban)